

Inspirasi EON

Edisi Profesor Madya Zainon Binti Ismail

Dr Ida Muryany Md Yasin

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

ida9974@uitm.edu.my

PROFESOR MADYA ZAINON ISMAIL: WANITA PENERAJU PERSADA UITMCNS

Ruangan Inspirasi EON tahun 2022 dibuka tirainya kali ini dengan menampilkan seorang personaliti yang tidak asing lagi kepada semua staf Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) baik di Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban serta Kampus Rembau. Beliau yang dimaksudkan adalah Profesor Madya Zainon Binti Ismail yang juga lebih mesra disapa dengan panggilan Kak Non. Telah berkhidmat dengan UiTM selama 32 tahun, pastinya banyak jasa yang telah ditaburkan oleh wanita cekal yang sangat mencambahkan inspirasi kepada UiTMCNS. Beliau jualah antara yang telah menjadi saksi untuk setiap aspek pembangunan serta kejayaan demi kejayaan yang telah dikecapi oleh UiTMCNS.

Dilahirkan pada tanggal 8 Jun 1964 di Singapura, beliau dibesarkan di Kota Singa itu sehingga berumur tujuh tahun. Sempat bersekolah di Singapura, namun, ketika beliau menjangkau usia lapan tahun, beliau mengikut ibu dan ayahnya pulang ke Malaysia lalu menetap di Pedas, Rembau, Negeri Sembilan sehingga dewasa. Kini PM Zainon menetap di Senawang bersama empat orang anak kesayangan beliau.

PM Zainon merupakan anak ke enam daripada lapan beradik. Ayah beliau merupakan seorang anggota polis manakala ibu beliau seorang suri rumah. PM Zainon mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Undang, Rembau.

Seterusnya melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Convent ,Seremban dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5.



Profesor Madya Zainon Binti Ismail

Berkat usaha gigih PM Zainon menimba ilmu dengan sepenuh hati, kejayaan yang cemerlang berjaya dikecapi. Saat manis dalam pengalaman memenuhkan ilmu di dada beliau tidak terhenti setakat itu. Rentetan kejayaan beliau di sekolah menengah, beliau telah ditawarkan biasiswa untuk menyambung pelajaran di peringkat Sarjana Muda di George Mason University, Virginia.

Kegigihan beliau diteruskan lagi sehinggalah PM Zainon melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana di Georgetown University, Washington DC yang bertempat di Amerika Syarikat. PM Zainon akhirnya berjaya menamatkan pengajian peringkat Sarjana pada Jun 1989. Ketika itu, beliau baru sahaja berumur 25 tahun. Setelah berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di bumi Amerika Syarikat, PM Zainon pulang ke tanah air. Beliau mula berkhidmat dengan Universiti Teknologi MARA yang tercinta sejak tanggal 15 Ogos 1989 sebagai pensyarah di Institut Teknologi MARA (ITM), Sabah, selama 12 tahun sehingga Oktober 2001. Di sana, beliau menimba banyak pengalaman yang tidak ternilai untuk kerjaya dan kehidupan beliau.


Seterusnya pada 1 November 2001, beliau telah berpindah ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang ketika itu terletak di Kampus Melang, Kuala Pilah. Masih segar di ingatan PM Zainon, pengambilan kumpulan pertama pelajar di Kampus Melang adalah pada sesi Jun 1999 iaitu seramai 166 orang pelajar. Semenjak itu, PM Zainon mula menabur khidmat bakti di Kampus Melang selama 8 tahun lamanya. Sewaktu perkhidmatan beliau di sana, PM Zainon telah diberikan kepercayaan untuk menyandang jawatan sebagai Koordinator Akademik dan menerajui Kampus sebagai Penyelaras Kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan dari tahun 2004 -2008.



Gambar kenangan ketika Majlis Perasmian Pecah Tanah UiTM Cawangan Negeri Sembilan oleh YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi

Sumber gambar: Koleksi PM Zainon

Menurut PM Zainon, Kampus Melang yang berstatuskan kampus sementara pada ketika itu beroperasi sepenuhnya sama seperti kampus tetap UiTM yang lain walaupun keseluruhan staf akademik dan pentadbiran hanyalah seramai di antara 30-40 orang sahaja. Namun itu bukanlah alasan untuk tidak berada separas dengan kampus UiTM yang lain. Peribahasa lama ada menyebut; Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat. Dengan kerjasama yang utuh dan muafakat di antara staf ibarat 'Bukit sama didaki, lurah sama dituruni' akhirnya banyak kejayaan telah dikecapi. Di antara kejayaan yang berjaya dirangkul adalah berikut: UiTM Cawangan Negeri Sembilan merupakan kampus cawangan yang ketiga mendapat sijil pengiktirafan ISO 9001:2000 daripada badan pensijilan antarabangsa, Llyod's Register of Quality Assurance (LQRA) pada tahun 2005.



Inspirasi EON


Seterusnya UiTM Cawangan Negeri Sembilan berjaya mendapat tempat ketiga bagi Pertandingan Projek Berimpak Besar yang dianjurkan oleh Bahagian Perancangan Strategik, UiTM pada tahun 2006. Projek yang telah diketengahkan adalah Pembinaan Kampus Tetap UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang akan memberi peluang kepada sepuluh ribu (10) pelajar untuk mendapat akses pendidikan tinggi di samping menjadi pemangkin pembangunan bagi Daerah Kuala Pilah dan masyarakat setempat. Semasa PM Zainon berkhidmat sebagai Penyelaras Kampus, beliau juga telah terlibat secara langsung melihat proses pembangunan kampus tetap UiTM Negeri Sembilan di Beting.

Projek pembinaan kampus tetap UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang terletak di kawasan seluas 160 ekar di Mukim Parit Tinggi telah dimulakan pada 13 Mac 2007 manakala Majlis Perasmian dan Pecah Tanah telah disempurnakan pada 23 Ogos 2007 oleh Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang pada ketika itu merupakan Perdana Menteri Malaysia bersempena lawatan kerja Perdana Menteri ke Negeri Sembilan. PM Zainon merupakan antara figura penting yang sempat menyaksikan pembangunan kampus tetap UiTM CNS bermula daripada kerja-kerja penebangan dan pembersihan hutan dari Mac 2007 sehingga kampus siap pada Jun 2009. Proses serahan tapak telah dilakukan oleh pihak kontraktor kepada UiTM akhir 2009. Pembinaan kampus tetap ini dapat direalisasikan berbekalkan semangat dan kesungguhan 30 staf Kampus Melang dengan bantuan dari Pejabat Pembangunan UiTM. Ternyata kampus ini telah memberi impak yang besar kepada Negeri Sembilan secara amnya dan Daerah Kuala Pilah serta masyarakat setempat khususnya.



PM Zainon ketika menggalas Amanah sebagai figura penting dalam pengurusan UiTM

Sumber gambar: Koleksi PM Zainon



Inspirasi EON

Sepanjang perkhidmatan PM Zainon sentiasa menanamkan sikap kerjasama dan hubungan baik di antara staf bagi memajukan UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Beliau juga turut memberikan sokongan padu kepada semua staf agar sentiasa maju dalam kerjaya dengan memastikan perkhidmatan berintegriti sentiasa diberikan bagi memartabatkan UiTM.

Ketika ditanya oleh penulis, “Apakah *tagline* kegemaran PM Zainon yang boleh memberi inspirasi pada rakan-rakan pensyarah yang lain untuk terus memajukan diri?” PM Zainon menguntumkan senyum seraya berkata, *“Positive people give good vibes.”* *Tagline* yang begitu ringkas tetapi sangat bermakna.

Dua belas tahun di Kampus Kuala Pilah dan kini menyandang jawatan Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Bahasa (KPP APB), beliau kini menjadi KPP bagi ketiga-tiga kampus UiTMCNS. PM Zainon yang terkenal sebagai seorang wanita yang tegas dan lantang ketika menyuarakan pendapatnya, semestinya boleh diumpamakan sebagai srikandi yang bijak meneraju persada UiTMCNS.



PM Zainon Bersama rakan-rakan sejabatannya (atas) dan sebahagian pelajar beliau (bawah)

Sumber gambar: Koleksi PM Zainon

Pendapat bernas beliau diterima bagi meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan misi dan visi UiTMCNS. Akhir kata, PM Zainon menitikkan pesanan buat semua staf akademik dan bukan akademik di UiTMCNS agar berusaha untuk terus memahami intipati visi dan misi UiTM. Semua warga mestilah bersedia memikul tanggungjawab dengan memberikan perkhidmatan terbaik supaya bukan sahaja graduan tetapi warga UiTMCNS boleh menjadi pemangkin dan penyelesaian masalah (problem solver) kepada pelbagai aspek kehidupan.

